

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 6 APRIL 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 19**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-000-L42904  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
  - (a) langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam memperkenalkan dan mendidik masyarakat perniagaan tentang industri hiliran dan nilai tambah terhadap produk komoditi di negara ini; dan
  - (b) insentif dan langkah dalam membantu usahawan lebih ramai berani meneroka bidang baru serta menambah nilai produk komoditi negara.
2. PR-000-L41666  
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, dan mengambil iktibar bahawa Ops Sikap kurang berkesan, adakah JKJR sedar bahawa keberkesanan pelaksanaan dijejaskan oleh keadaan di mana saman boleh dikeluarkan daripada senarai jikalau pesalah itu ada "orang dalam" atau kenalan mereka. Bagaimanakah JKJR menangani masalah ini.
3. PR-000-L42257  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
  - (a) hak rakyat dalam memiliki kediaman yang selesa ekoran daripada isu pemaju perumahan yang lebih cenderung membina rumah mewah dan sederhana untuk orang asing; dan
  - (b) apakah tidak ada mekanisme perancangan dan pembangunan sesebuah kawasan yang mendahului lapisan rakyat sendiri dan bukannya mesra kelas elit dan orang asing semata-mata.

4. PR-000-L42945

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang supaya lebih jelas difahami oleh semua pihak, agar tidak ada pengikut yang bukan beragama Islam membaca sebaris dua ayat Al-Quran di tempat rasmi, yang dijadikan gimik politik dan juga menghalang mana-mana pihak yang mempertikaikan dan mempersoalkan segala bentuk ibadah umat Islam, seperti azan, sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya.

5. PR-000-L42221

**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan penguat kuasa berkanun untuk menguruskan pembangunan *Greater Klang Valley* seperti IRDA di Iskandar Malaysia. Nyatakan nama dan peranan agensi Kerajaan yang dipertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan ini sekarang.

6. PR-000-L41575

**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang perumahan di negara ini dan unjuran masa depan beban hutang rakyat berkaitan perumahan akibat kenaikan kos pembinaan rumah.

7. PR-000-L41978

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan bank-bank Islam yang mempunyai modal-modal berbayar yang tertinggi di negara ini kerana keupayaan institusi-institusi kewangan Islam ini untuk mengambil bahagian dalam pembiayaan projek-projek adalah terhad kerana faktor kekurangan modal yang mana boleh menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.

8. PR-000-L42563

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan untuk membangunkan *John Hopkins Medical School* berserta hospital 600 katil dan sebuah pusat penyelidikan di Serdang, Selangor. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menjadikan Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi.

9. PR-000-L41751

**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal dan memulihkan sumber laut di pesisir pantai timur yang semakin pupus angkara penggunaan pukat tunda yang tidak terkawal dan pencerobohan nelayan asing.

10. PR-000-L41847  
**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status sebuah kilang baja haram menggunakan najis ayam di Bt 14 Trong, Bukit Gantang dan apakah tindakan yang diambil Kementerian dalam menyelesaikan masalah pencemaran udara, sungai dan alam sekitar.
11. PR-000-L42845  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kerajaan bercadang menubuhkan satu bentuk Majlis Penilai dalam memantau langkah Penswastaan dan Perkongsian Awam (PPP) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).
12. PR-000-L42313  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan menyokong atau tidak terhadap cadangan pembangunan bersama di kawasan Spratly dengan negara berkaitan dan apa alasan jika tidak menyokong.
13. PR-000-L42460  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
  - (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah suai garis panduan (pendapatan minimum) bagi pemohon baru khasnya di kawasan bandar raya; dan
  - (b) jumlah penerima Bantuan 1Azam dan masalahnya.
14. PR-000-L42862  
**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat (SAR) setiap negeri yang berdaftar dengan Kementerian dan bilakah bantuan kepada SAR tersebut yang berjumlah RM95 juta akan diagihkan.
15. PR-000-L41987  
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat mana penerimaan Lulusan Politeknik Awam oleh IPT Swasta yang ditubuhkan di Malaysia dan cawangan IPT program kembar.
16. PR-000-L41507  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang berikut penubuhan Perbadanan Tenaga Nuklear dalam merealisasi penjanaan tenaga dari Reaktor Nuklear.

17. PR-000-L41179

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi dan langkah terkini Kerajaan untuk mengurangkan spekulasi harga rumah supaya kemampuan memiliki rumah pertama oleh rakyat golongan berpendapatan rendah dan sederhana khususnya di kawasan bandar tidak terjejas.

18. PR-000-L42498

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil berkaitan dengan kes pembuangan bayi/ janin yang semakin serius; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan mata pelajaran Kajian Sains Kemanusiaan & Reproduksi bagi mendedahkan pelajar terhadap bahaya dan risiko salah laku seks luar perkahwinan ini.

19. PR-000-L42412

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada orang Islam yang bekerja di premis-premis yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam umpamanya mereka yang bekerja di premis-premis hiburan, yang lazimnya terdapat aktiviti penjualan arak dan minuman keras.

20. PR-000-L42618

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai kaedah pengiraan baru bagi premium insurans kenderaan bermotor berdasarkan risiko profil individu berbanding sistem lama yang hanya berdasarkan kuasa enjin kenderaan bermotor dan tuntutan yang dikemukakan, tidakkah kaedah baru ini memberikan kesan secara tidak langsung memaksa rakyat membeli polisi insurans yang mahal dan membebankan.

21. PR-000-L42068

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan membantu rakyat menangani kenaikan harga barang makanan memandangkan kenaikan harga komponen ini melonjak tinggi sebanyak 2.8 peratus tahun lalu, berbanding Indeks Harga Pengguna keseluruhan sebanyak 2.2. peratus.

22. PR-000-L41706  
**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah jam iklan makanan ringan kepada kanak-kanak yang disiarkan melalui stesen televisyen. Apakah pengaruh kandungan iklan tersebut kepada perkembangan kesihatan kanak-kanak dan langkah-langkah Kerajaan dalam mempromosi kaedah pemakanan sihat di kalangan kanak-kanak.
23. PR-000-L42522  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan menaik taraf / memajukan Pantai Pasir Putih (*Sandy Plain*) yang merupakan satu-satunya pantai di kawasan Batu Sapi yang menjadi tempat tarikan pelancong dan tempat rehat kepada orang awam di daerah Sandakan.
24. PR-000-L42542  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian pindaan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.
25. PR-000-L41678  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuat penempatan baru dan selamat bagi mangsa banjir di Daerah Segamat khususnya dalam kawasan Parlimen Sekijang kerana ancaman banjir besar 2006 dan 2011 telah mengakibatkan keselamatan dan kerugian besar kepada penduduknya terutama di kawasan taman-taman perumahan di dalam bandar dan kampung sekitarnya.
26. PR-000-L42162  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah Pelaburan Asing (*Foreign Direct Investment*) yang mengalir masuk ke Malaysia mengikut tahun dari 1990 hingga 2010 dan apakah rancangan Kerajaan untuk mengekalkan pelaburan asing yang sedia ada.
27. PR-000-L41338  
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyediakan peruntukan bagi program membantu orang Islam yang bekerja di kilang arak, kelab malam dan mana-mana premis membabitkan arak untuk meninggalkan bidang pekerjaan berkenaan dengan menawarkan latihan.
28. PR-000-L42512  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) skop dan syarat-syarat pelantikan Gamuda-MMC JV sebagai *Project Development Partner* (PDP) projek pembinaan MRT; dan

- (b) kos pelantikan tersebut kepada Kerajaan, termasuk kos *contingency* atau luar jangkaan, jika ada.
29. PR-000-L42863  
**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah penyelidikan yang dilakukan oleh universiti-universiti tempatan yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat umum. Adakah ianya dipatenkan.
30. PR-000-L42393  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada siasatan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atas jualan tanah Kerajaan Sarawak. Lots 9192, 9193 dan 9194 Blok 11 Muara Tebas Land District, kepada syarikat yang dimiliki oleh anak-anak Ketua Menteri Sarawak dengan harga yang kurang daripada 20 peratus harga pasaran tanah tersebut.
31. PR-000-L42451  
**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat sebarang kajian atau cadangan :-
- (a) mewujudkan 1 hospital di Kawasan Parlimen Pengerang yang mempunyai kepadatan penduduk melebihi 70 ribu orang dan menambah bilangan doktor pakar berbanding ketika ini hanya 1 orang doktor pakar namun di masa sama dipertanggungjawabkan menjaga 3 kawasan Parlimen serentak iaitu Kota Tinggi, Pengerang dan Tenggara; dan
- (b) membekalkan ambulan di setiap kawasan Parlimen terutama kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kakitangan seperti pembantu perubatan dan sebagainya.
32. PR-000-L42139  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaik taraf klinik kesihatan di Batu 14 Puchong dan apakah skop rawatan dan kemudahan yang sedia ada, jumlah dan jenis doktor serta jururawat yang kini di situ.
33. PR-000-L41150  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak tindakan perampasan hartanah telah diambil oleh bank dan institusi kewangan sejak 2005 sehingga 2011 dan apa tindakan telah diambil untuk memperbaikkan keadaan.

34. PR-000-L42783  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- rekod prestasi pencapaian KPI setiap Menteri mengikut garis panduan yang telah ditetapkan; dan
  - apakah langkah yang akan diambil sekiranya ada Menteri yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan.
35. PR-000-L42952  
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan janji-janji untuk membina Klinik-klinik Desa di Medamit, Kampung Telahak dan Long Napir yang telah diluluskan dan membina Klinik Pakar Asas dan menambah pakar yang tetap di Hospital Limbang.
36. PR-000-L42355  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap majikan di negara ini yang tidak membenarkan cuti berbayar 16 September diberi kepada pekerja-pekerja di negara ini.
37. PR-000-L42731  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian melalui Dasar Makanan Negara.
38. PR-000-L41835  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan terkini harga barang keperluan asas rakyat dan apakah kesan yang dibawa oleh kenaikan serta penilaian dwi tahunan harga minyak kepada tanggungan hidup rakyat.
39. PR-000-L41499  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk melibatkan pembelajaran melalui Internet untuk masyarakat yang tidak dapat melihat boleh juga menikmati arus teknologi moden dan berinteraksi melalui Internet.
40. PR-000-L41722  
**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah laluan baru jalan raya Kota Bharu ke Kuala Krai akan dimulakan.

41. PR-000-L42858

**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan terdapat kawasan tanah lembap luas di sekitar Tanjung Manis, Sarawak yang sangat sesuai untuk kegunaan pertanian. Adakah Kementerian merancang untuk membantu Kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan ini.

42. PR-000-L42248

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengelakkan aduan kes seperti pemilik kediaman No.5, Jalan Punchak 8/1 H, Shah Alam yang milik Syaharil M. Nor mendakwa Nuraida binti Mohd Arif KP 710428085436 / A1765059 mendaftar menjadi pemilih berdaftar di alamat rumahnya.

43. PR-000-L42202

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah isi rumah miskin yang telah berjaya didaftar di bawah sistem e-Kasih dalam tahun 2010 mengikut kaum; dan
- (b) tempoh masa yang diperlukan untuk mendapat kelulusan permohonan e-Kasih.

44. PR-000-L42678

**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan memandangkan ASTRO adalah anak syarikat sebuah syarikat asing dan telah mengaut untung bersih RM689 juta bagi tahun 2010 daripada 2.911 juta langganan (yang merangkumi langganan 1.7 juta dari kaum Melayu, 670,000 dari kaum Cina, 319,000 dari kaum India dan 222,000 dari kaum lain-lain), adakah Kementerian bercadang mengawal dan mengurangkan yuran bulanan yang terlalu tinggi dari Astro dan meluluskan peraturan baru menyekat monopoli ke atas program-program popular seperti National Geographic, ESPN, Discovery, BBC, CNN dan lain-lain oleh Astro supaya program-program tersebut boleh dibuka untuk saluran TV prabayar lain serta menggalakkan persaingan.

45. PR-000-L41276

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- (a) adakah penyelidikan dijalankan kemungkinan ikan laut dalam negara ini berpindah ke sungai untuk membiak. Sekiranya ada, apakah spesies tersebut; dan
- (b) kalau tiada penyelidikan, mengapa ianya tidak dijalankan.

46. PR-000-L42384  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi RMKe-10 untuk pembinaan hospital baru Kuala Krai; dan
- (b) bilakah projek ini akan bermula.
47. PR-000-L41648  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan dan tindakan untuk menaik taraf jalan raya Pan Borneo yang bermula dari pekan Lundu, Sarawak terus ke negeri Sabah ke taraf sekurang-kurangnya '*dual carriageway highway.*'
48. PR-000-L41274  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Projek RMK-9 yang belum dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Sik dan berapakah jumlah Projek RMKe-10 yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sik.
49. PR-000-L42330  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mengambil perhatian serius tentang masalah pembukaan kasino di Singapura yang telah menimbulkan masalah keluarga di kawasan selatan negeri Johor dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang timbul.
50. PR-000-L42087  
**Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan maklumat setakat manakah rancangan satu batalion Askar Wataniah untuk setiap kawasan Parlimen telah dilaksanakan, atas doktrin ketenteraan ataupun pertahanan awam apakah rancangan satu batalion Askar Wataniah untuk setiap kawasan Parlimen itu dibuat dan sama ada terdapat rancangan untuk anggota Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen diberi kemudahan undi pos.
51. PR-000-L41362  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila Kerajaan boleh membantu rakyat untuk mengatasi masalah kenaikan Insurans Kenderaan Bermotor khususnya motosikal kerana bayaran premium yang sangat mahal, iaitu RM200 setahun.
52. PR-000-L42141  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kerugian yang disebabkan oleh banjir di Johor pada awal bulan Februari tahun ini; dan

- (b) bilakah Kerajaan berhasrat mengadakan sistem amaran awal banjir bencana untuk kawasan hitam banjir seperti di negeri Kelantan dan Johor seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.
53. PR-000-L41618  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian telah mengenal pasti tempat-tempat cadangan projek hidroelektrik yang sesuai di negeri Sabah, dan kalau sudah, di manakah tempat-tempat yang sudah dikenal pasti.
54. PR-000-L42884  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan adakah projek fasa pertama jejantas pejalan kaki Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) ke Hotel Impiana KLCC dibuat melalui proses tender terbuka dan apakah piawaian rekaan serta kos sebenar keseluruhan projek.
55. PR-000-L41531  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) statistik kehadiran pelancong mengikut negara sepanjang 2010 dan suku pertama 2011; dan
  - (b) produk pelancongan yang disukai pelancong asing ke negara ini dan bentuk bantuan, sokongan dan program yang boleh dilakukan dalam memajukan sektor pelancongan terutama di luar bandar.
56. PR-000-L42966  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelajar yang menerima bantuan wang Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) mengikut sekolah dalam Parlimen Rantau Panjang sejak tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011.
57. PR-000-L42714  
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah keluasan perusahaan perladangan di kawasan Hulu Selangor. Siapakah pemilik-pemilik ladang tersebut dan apakah kemudahan asas yang di sediakan oleh pemilik-pemilik tersebut untuk memastikan pekerja-pekerja ladang menikmati kehidupan yang selesa.

58. PR-000-L42965  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peranan Institut Integriti Malaysia dalam membentuk masyarakat Malaysia yang menghayati nilai-nilai murni dan beretika masih lagi berkesan ataupun sebaliknya.
59. PR-000-L42950  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah hasil kutipan syarikat komunikasi terutamanya Celcom, Maxis dan Digi yang disebabkan "*data roaming*" di luar negara yang tidak disedari oleh pengguna semenjak tahun 2008 dan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil.
60. PR-000-L42584  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah yang menyebabkan Kerajaan gagal mencapai sasaran untuk meningkatkan ekuiti kaum India kepada 30% dalam tahun 2010; dan
  - (b) mengapa tidak dilaksanakan langkah-langkah khusus untuk meningkatkan kadar pertumbuhan sosial-ekonomi kaum India.
61. PR-000-L42292  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Pelabuhan Pulau Pinang akan diswastakan. Jika ya, nyatakan penjadualan dan status terkininya. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan daya saingnya.
62. PR-000-L42308  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah sistem AP atau jumlah dan jenis produk AP khususnya untuk kereta akan dihapuskan setelah kajian semula dibuat untuk meliberalisasi ekonomi dan menggalakkan persaingan.
63. PR-000-L42619  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah peranan penubuhan Parlimen Mahasiswa oleh IPT dan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa khusus bagi membimbing kumpulan ini dan membentuk pelapis pemimpin negara yang berkualiti.

64. PR-000-L42507

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai 20 nama pegawai kanan termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang menerima elaun tahunan paling tinggi mengikut gaji dan bonus sejak tahun 2006.

65. PR-000-L42027

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah polis yang telah ditugaskan di setiap pilihan raya kecil pasca Pilihan Raya Umum 2008 dan perbelanjaan yang dikenakan.

66. PR-000-L41802

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah pihak berkuasa Kerajaan yang melaksanakan projek-projek pembangunan dan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanja di kawasan Parlimen Tawau, Sepanggar dan Kota Kinabalu di bawah peruntukan Ahli-Ahli Parlimen Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2009 dan 2010; dan
- (b) sila senaraikan projek-projek yang terlaksana di Tawau pada tahun-tahun 2009 dan 2010 di bawah peruntukan sedemikian.

67. PR-000-L41178

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha mencapai negara berpendapatan tinggi :-

- (a) apakah Kerajaan sudah berpuas hati bahawa sumber modal insan dan prasarana yang ada sudah bersedia; dan
- (b) apakah ada jangka masa pencapaian (*time frame*) yang ditetapkan.

68. PR-000-L41893

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas seseorang yang memegang kewarganegaraan Malaysia yang telah ditabah sebagai Sultan Sulu pada 7 Februari 2011 di Sabah. Adakah Kerajaan membenarkan seseorang memegang dua kerakyatan.

69. PR-000-L43095

**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah yang masih belum dibina di projek perumahan KTC1 di Kulim Hi-Tech, Kedah dan kenapa.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

- \* Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |  |  |
|--|--|
| <p>1. (D.R. 34/2010) Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 – <b>Menyambung semula pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis.</b><br/>(5 April, 2011)</p> | <p align="center"><b>[ Kementerian Kesihatan ]</b></p> |
| <p>2. (D.R. 38/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010</p>  | <p align="right"><b>Bacaan Kali Yang Kedua</b></p>     |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Pengangkutan ]</b></p>  |  |
| <p>3. (D.R. 39/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010</p>   | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Pengangkutan ]</b></p>  |  |
| <p>4. (D.R. 42/2010) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010</p>  | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Perdana Menteri ]</b></p>   |  |
| <p>5. (D.R. 44/2010) Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010</p>   | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]</b></p>  |  |
| <p>6. (D.R. 4/2011) Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011</p>  | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]</b></p>   |  |
| <p>7. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010</p>   | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Kewangan ]</b></p>  |  |
| <p>8. (D.R. 48/2010) Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010</p>   | <p align="right">“</p>                                 |
| <p align="center"><b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]</b></p>   |  |

9. (D.R. 2/2011) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ]**
10. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
**[ Kementerian Pertahanan ]**
11. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 “  
**[ Kementerian Belia dan Sukan ]**
12. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 “  
**[ Perdana Menteri ]**
13. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “  
**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
14. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 “  
**[ Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ]**
15. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa Danalntra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

17. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) yang diterima di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

18. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

'Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni'."

19. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 11 subseksyen 2 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.14 dan ST.15 tahun 2011 disahkan."

20. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 5(3) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 supaya perintah Cukai Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.16 tahun 2011 disahkan."

21. PR-000-U41312

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara kita sering dilanda bencana banjir kilat yang bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada rakyat dan negara, malah terdapat juga kehilangan nyawa. Dan mengambil maklum bahawa sebahagian besar punca berlakunya bencana banjir kilat ini disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, di mana sungai-sungai, saliran-saliran dan kolam-kolam takungan air telah menjadi cetek disebabkan oleh mendapan lumpur dan pasir. Dan mengambil maklum juga bahawa mendapan lumpur dan pasir-pasir di tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, misalnya penimbusan tanah secara terbuka, pembangunan tidak terancang, pembukaan ladang-ladang dan lain-lain lagi aktiviti pembangunan. Dan mengambil maklum bahawa dalam banyak kes, laporan kesan alam sekitar (EIA) tidak disediakan langsung atau tidak dipatuhi.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian yang berkaitan untuk meminda mana-mana akta yang perlu bagi menguatkuasakan peraturan sedia ada atau peraturan baru bagi mengatasi masalah yang mendarangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat ini."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

22. PR-000-U41326

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah perkuburan yang tidak terurus atau dikendalikan dengan baik, di mana ianya tidak disusun dengan rapi yang menyebabkan banyak kawasan kubur yang tidak dapat digunakan. Dan mengambil maklum bahawa kos penyelenggaraan dan pemuliharaan tanah perkuburan kian meningkat, banyak tanah perkuburan yang terbiar dan menjadi seperti kawasan belukar. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakannya tanah perkuburan tidak dijaga ataupun diselia dengan baik kecuali sesetengah tanah perkuburan yang ditadbir oleh badan JKKK atau JK tanah perkuburan di kampung yang berkaitan. Dan mengambil maklum juga bahawa pada ketika ini belum ada mana-mana peraturan sedia ada yang memastikan satu-satu tanah perkuburan diselenggara atau dijaga dengan baik bagi memastikan ianya sentiasa bersih dan terpelihara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu lembaga atau yayasan yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyelia tanah-tanah perkuburan di seluruh negara agar ianya sentiasa terpelihara sama ada dari segi kesihatan, kebersihan maupun keindahan."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

23. PR-000-U41335

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah tanah terbiar kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa masalah bukan sahaja tidak mendarangkan sebarang hasil kepada pemilik tanah tersebut, malah ianya akan mendarangkan masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, ular, tikus dan sebagainya yang boleh mendarangkan berbagai jenis penyakit. Dan mengambil maklum juga bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa sebab misalnya si pemilik tidak mampu untuk mengusahakan tanah tersebut, tanah tersebut terlalu kecil keluasannya, keluasan tanah yang tidak mencukupi bagi syarikat besar seperti FELCRA untuk mengusahakannya dan lain-lain sebab lagi.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan di mana ianya akan dapat mendorong atau memastikan bahawa pemilik tanah-tanah terbiar tersebut untuk mengusahakannya. Di samping itu, menubuhkan satu koperasi bagi memajukan tanah-tanah tersebut dengan dana disumbangkan oleh syarikat swasta (di bawah Program CSR) dan Kerajaan."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

24. PR-000-U41341

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kebanyakan benteng sungai-sungai di pekan-pekan utama dibina dengan konkrit. Dan mengambil maklum bahawa sungai-sungai konkrit ini bukan sahaja tidak mesra alam, tumbuhan yang lazimnya tumbuh di tebing-tebing sungai juga tidak dapat tumbuh. Dan mengambil maklum juga bahawa sungai-sungai konkrit ini juga tidak memberikan ruang bagi ikan-ikan di sungai untuk meletakkan telur mereka dan membiak, seperti mana lazimnya berlaku di sungai-sungai semulajadi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menambah mana-mana peraturan sedia ada, supaya benteng-benteng sungai dibina dengan menggunakan cerucuk kayu keras ataupun "*interlocking bricks*" bagi membolehkan rerumput tumbuh dan juga ikan-ikan bertelur dan membiak (sebagaimana yang dibina di bandar Sibu, Sarawak). Kaedah ini adalah lebih mesra alam di samping mengekalkan flora dan fauna serta kehidupan marin sungai tersebut."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

25. PR-000-U41523

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor seperti inflasi, dasar yang tidak adil, keadaan hak asasi, kedudukan kekurangan kebebasan media yang menjaskan kehidupan rakyat. Bahawa Dewan ini juga membincangkan apakah perbezaan di antara Malaysia berbanding dengan negara Mesir yang mengalami pemberontakan 'bunga melati' moden."

**(Perdana Menteri)**

26. PR-000-U41525

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keperluan untuk mengkaji secara menyeluruh kekurangan kualiti sesetengah doktor di negara ini serta cara-cara untuk mengatasinya. Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Majlis Perubatan Malaysia tidak dapat mengawal dengan berkesan standard graduan perubatan lebih 3,500 orang setiap tahun."

**(Menteri Kesihatan)**

27. PR-000-U43074

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

28. PR-000-U43075

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

29. PR-000-U43076

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendorong Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

30. PR-000-U43077

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parliment yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parliment Malaysia sebagai Parliment Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

31. PR-000-U43078

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

32. PR-000-U41480

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan membincangkan mengenai perjanjian di antara pihak Petronas dengan Kerajaan negeri Sabah dan Persekutuan berkaitan cari gali minyak yang bukan sahaja mengandungi minyak mentah tetapi juga terdapat bahan-bahan lain seperti gas agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan dasar dan cara untuk meneliti dan mengkaji semula hasil galian tersebut demi untuk kebaikan bersama".

**(Perdana Menteri)**

33. PR-000-U41484

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan meluluskan supaya kakitangan Kerajaan yang ditugaskan oleh SPR semasa pilihan raya berlangsung dan mereka yang bertugas di luar kawasan pada ketika itu termasuklah anggota polis, tentera dan sebagainya yang membuang undi secara undi pos seharusnya mengundi dengan sebebas-bebasnya tanpa dipengaruhi atau diarah oleh mana-mana pihak. Para pengundi pos ini mesti dan haruslah membuang undi untuk calon dari kediaman asal atau alamat tetapnya dan bukan di kawasan di mana pengundi itu bertugas."

**(Perdana Menteri)**

34. PR-000-U41490

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membincangkan dengan seriusnya mengenai kemuliaan rakyat negara kita sebagai Rakyat Malaysia dengan suku-suku kaum masing-masing dan bukan hanya dengan sebutan suku kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang jelas mengetepikan suku-suku kaum dari Sabah dan Sarawak.

Keadaan tersebut merupakan satu penghinaan bagi kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak yang dicatat sebagai 'lain-lain' dalam borang-borang pentadbiran Kerajaan yang perlu dicatat sejelas-jelasnya mengikut suku bangsa rakyat Malaysia yang telah wujud sekian lama di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

35. PR-000-U41436

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan mereka sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

36. PR-000-U41440

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi sendiri".

**(Perdana Menteri)**

37. PR-000-U41442

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kementerian Pelajaran menyemak dan menyusun semula sukanan pelajaran subjek Sejarah Malaysia bagi memasukkan input yang tertinggal supaya ia lebih komprehensif, terbuka dan menjadi menarik untuk dipelajari".

**(Menteri Pelajaran)**

38. PR-000-U42596

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bebas bagi menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan untuk membina sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru."

**(Menteri Pelajaran)**

39. PR-000-U42599

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus mengambil maklum bahawa Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang bagi mensyaratkan semua wakil rakyat mengumumkan aset milikan/kekayaan peribadi secara terbuka".

**(Perdana Menteri)**

40. PR-000-U42601

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya mengambil ketetapan yang rasional dalam pemilihan jumlah golongan bukan melayu secara seimbang dalam sektor perkhidmatan awam."

**(Perdana Menteri)**

41. PR-000-U42289

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak kepada Negeri untuk melantik Pegawai Eksekutif *Ex-officio* yang memberi kuasa kepada Menteri Besar yang dipilih rakyat dan menghormati kedaulatan negeri. Jelasnya, pemindahan Perlembagaan pada Tahun 1983 terbukti adalah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri."

**(Perdana Menteri)**

42. PR-000-U41589

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan kepada Kerajaan agar:-a) mengurangkan umur minimum kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;b) menjadikan pendaftaran untuk mengundi adalah satu perkara yang automatik; dan c) pengundi berdaftar adalah diwajibkan keluar mengundi."

**(Perdana Menteri)**

43. PR-000-U41590

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar satu mekanisma yang efektif dalam bentuk jangka masa pendek dalam menangani masalah banjir di negara ini."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

44. PR-000-U41591

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar Kerajaan dapat mengawal harga barang asas seperti susu, gula dan tepung yang kerap naik harga tanpa mengambil kira kesannya terhadap rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana dan rendah."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

45. PR-000-U41592

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil perhatian secara serius di mana terdapat ramai golongan muda kini telah diisyiharkan muflis akibat dari penggunaan kad kredit yang tidak terkawal."

**(Menteri Kewangan)**

46. PR-000-U41594

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengarahkan Kerajaan untuk meminta semua penerima konsesi tol agar mengkaji semula kadar tol di negara ini bagi mengurangkan beban rakyat."

**(Menteri Kerja Raya)**

47. PR-000-U41597

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar agama, dat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri dari pelbagai kaum bagi mengelakkan perkara yang berlaku baru-baru ini di mana seorang pelatih beragama Sikh dipotong rambut panjangnya di Kem Pusat Khidmat Negara tidak berulang. Isu ini adalah pelanggaran hak asasi manusia dan hak beragama di Malaysia.

Suruhan Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini. Jikalau orang ramai mengenali agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup kaum lain, perkara seumpama ini tidak akan berlaku dan isu perkauman juga dapat dihindari."

**(Menterian Pelajaran)**

48. PR-000-U41600

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat miskin tanpa mengira agama dan bangsa serta orang yang kurang upaya menjawat jawatan di sektor awam."

**(Perdana Menteri)**

49. PR-000-U41606

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan *Wifi* di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi menambah pengetahuan mereka dan ini dapat menggalakkan semua lapisan masyarakat menggunakan internet."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

50. PR-000-U41609

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyedia lebih banyak perkhidmatan membekalkan gas bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

51. PR-000-U41611

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan menggubal undang-undang agar anak-anak dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka mengabaikan ibu bapa mereka yang sudah tua."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

52. PR-000-U42038

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara".

**(Menteri Pertahanan)**

53. PR-000-U42040

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong bahawa Perdana Menteri untuk menjelaskan kekeliruan yang disebabkan atas jawapan beliau tentang perbelanjaan Isteri Perdana Menteri pada Dewan yang lepas iaitu pada November 2010 yang tidak dipadani dengan kewujudan "First Lady of Malaysia Division" seperti yang ditunjukkan oleh direktori laman web Jabatan Perdana Menteri."

**(Perdana Menteri)**

54. PR-000-U42020

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi, Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan "Ops Piramid" untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam pergolakan berdarah di bumi Mesir".

**(Menteri Luar Negeri)**

55. PR-000-U42023

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri supaya keanggotaan Panel Perunding dan Pencegah Rasuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dikaji semula bagi mengelakkan sebarang tindakan anggota panel yang mencatatkan imej SPRM dan Kerajaan."

**(Perdana Menteri)**

56. PR-000-U42025

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YAB Perdana Menteri mengkaji semula pengurusan dana dan bentuk pelaburan Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dewan ini sedar tentang wujudnya kerisauan di kalangan umat Islam tentang penglibatan Lembaga Tabung Haji dalam pelaburan berisiko tinggi di dalam dan luar negara".

**(Perdana Menteri)**

57. PR-000-U42028

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil langkah-langkah perlu untuk membersihkan bandaraya-bandaraya kita daripada sindiket "pengemis dan peminta derma" yang memperalatkan kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya dan pendatang asing. Dewan sedar bahawa tindakan 'pengemis dan peminta derma' ini menjelaskan imej negara dan menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan dan rakyat, selain masalah keselamatan."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

58. PR-000-U42030

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Kewangan memansuhkan pendekatan penghapusan subsidi secara total dalam kerangka Model Baru Ekonomi (NEM). Dewan mengambil iktibar bahawa tindakan drastik penghapusan subsidi akan menggugat kestabilan sosial dan mungkin mengancam keselamatan negara seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran, termasuk Indonesia pada lewat tahun 90an dan situasi terkini di negara Mesir."

**(Menteri Kewangan)**

59. PR-000-U42273

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan

hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Dalam Negeri)**

60. PR-000-U42275

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

61. PR-000-U42278

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Pengukuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

**(Perdana Menteri)**

62. PR-000-U42196

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

**(Perdana Menteri)**

63. PR-000-U42197

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2010 dikuat kuasakan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

64. PR-000-U42199

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

**(Perdana Menteri)**

65. PR-000-U42201

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

**(Perdana Menteri)**

66. PR-000-U42203

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20 peratus."

**(Perdana Menteri)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.14	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Program “ Early Harvest” dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Asean dan China ) (Pindaan) 2010 P.U(A) 434 / 2010	6 April 2011
ST.15	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Program “ Early Harvest” dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Asean dan China ) (Pindaan) 2011 P.U(A) 64 / 2011	6 April 2011
ST.16	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975 Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2010 P.U(A) 411 / 2010	6 April 2011